

# UMS unggul kajian air semula jadi di pulau



**PROF Dr Mohd Harun (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Prof Dr Kamaruzaman.**

Oleh Nik Sukry Ramli  
niksukry@bharian.com.my

BH 07.06.2012 4

**K**OTA KINABALU: Kepentingan menjaga sumber air semula jadi di pulau akan menentukan kelangsungan hidup manusia dan habitat lain di pulau dan juga perairan sekitarnya.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Mohd Harun Abdullah, berkata pulau memerlukan air tawar bagi menampung semua kehidupan dan ekosistem yang kompleks.

Di pulau yang bersaiz kecil, katanya, penggunaan air tawar yang tidak diuruskan dengan baik berikutan kerancakan pelancongan menjadi ancaman terbesar sehingga mengganggu kestabilan semula jadinya.

"Sebagai contoh, apa yang berlaku kepada Pulau Sipadan ketika mula-mula dibangunkan.

"Pernah pada satu ketika, terdapat lapan pusat pelancongan dibangunkan di situ sehingga menyakikan sumber air tawar tercemar akibat larut resap sisa kumbahan yang gagal diuruskan dengan baik.

"Mujurlah, kerajaan menyedari masalah berkenaan dan memerintahkan tidak ada pembangunan baru dilakukan di Pulau Sipadan bagi memasti-

kan ekosistemnya dapat dipulihara," katanya di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian dalam syarahan perdana bertajuk 'Air dan Kemandirian Pulau' di Kampus Utama UMS.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon.

Mohd Harun mengkaji sumber air bersih dan ekosistem di beberapa pulau di Sabah sejak lebih 10 tahun lalu.

Beliau berkata, keadaan bentuk muka bumi yang terdapat di pulau berbeza dengan dataran tanah besar dan sumber air bawah tanahnya juga terhad.

Katanya, kandungan air bawah tanah yang mengandungi kalsium, magnesium, klorida dan unsur lain memberi kesan kepada keberangtungan bekalan air bawah tanah di kawasan pulau yang terdedah kepada resapan air masin.

Mohd Harun berkata, sumber air bawah tanah itu amat mudah terganggu sekiranya tidak diuruskan dengan baik.

"Perkara ini bukan saja berlaku di Pulau Sipadan, bahkan menjadi masalah yang boleh mengganggu kehidupan semula jadi di pulau seperti Pulau Langkawi di Kedah, Pulau Tio-man di Pahang dan Pulau Manukan di Sabah.

"Rumusan yang boleh kita buat ialah sumber air tawar ini tidak akan dapat menampung keperluan bekalan air bersih yang sentiasa meningkat.

"Selain itu, luahan air bawah tanah secara tidak konsisten akan

berakhir dengan tragedi kepada bekalan air bersih dan mengurangkan kualiti air bersih sedia ada," katanya.

Mohd Harun berharap aspek perundangan dan pewartaan pulau di seluruh negara diperkemas dan inventori pulau hendaklah dimantapkan di samping mewujudkan jawatankuasa penyelidikan pulau bagi memastikan khazanah itu dapat dipertahankan.

Sejak 10 tahun lalu, beliau menerima geran penyelidikan dari dalam dan luar negara seperti Kurita Water and Environment Foundation Research Grant, Jepun; United Nations University (International Environmental Research Centre) (UNU-IERC) Korea Selatan dan ScienceFund dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Selain itu, Mohd Harun turut menerima geran dari Kementerian Pengajian Tinggi untuk beberapa siri kajian berimpak tinggi.